

# KAMIREN XL MODIFIED RELEASE TABLETS

Doxazosin (4 mg)

## What is in this leaflet

1. Apakah kegunaan Kamiren XL
2. Bagaimana Kamiren XL berfungsi
3. Sebelum menggunakan Kamiren XL
4. Cara menggunakan Kamiren XL
5. Semasa menggunakan Kamiren XL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Kamiren XL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Kamiren XL

Kamiren XL mengandungi bahan aktif doxazosin yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai alpha-adrenergic agen penghalang (alfa-blockers). Kamiren XL disyorkan untuk:

- merawat tekanan darah tinggi (hipertensi),
- simptom yang disebabkan oleh pembesaran kelenjar prostat pada lelaki.

## Bagaimana Kamiren XL berfungsi

Terima kasih kepada teknologi khas, pelepasan doxazosin dalam bentuk tablet adalah secara beransur-ansur dan berterusan. Oleh itu, hanya sedikit perbezaan dalam tahap penggunaan doxazosin dalam darah telah diperhatikan.

Di kalangan pesakit tekanan darah tinggi (hipertensi) Kamiren XL melegakan saluran darah supaya darah lalu lebih mudah. Ini membantu untuk mengurangkan tekanan darah.

Pada pesakit yang mempunyai pembesaran kelenjar prostat, Kamiren XL diambil untuk merawat pembuangan air kencing yang lemah dan/atau kerap. Ini adalah perkara biasa pada pesakit yang mempunyai pembesaran kelenjar prostat. Kamiren XL melegakan otot pada sekitar susur keluar pundi kencing dan kelenjar prostat supaya pembuangan air kencing adalah lebih mudah.

## Sebelum menggunakan Kamiren XL

- Bila tidak boleh menggunakan  
- jika anda alah (hipersensitif) kepada doxazosin, lain-lain jenis quinazolines (contohnya prazosin atau terazosin)

atau mana-mana bahan lain Kamiren XL.

- jika anda mempunyai keadaan yang dikenali sebagai 'orthostatic hypotension' yang merupakan sejenis tekanan darah rendah yang menyebabkan anda berasa pening atau ringan kepala apabila anda berdiri dari duduk atau berbaring  
- jika anda mempunyai sebarang bentuk halangan pada saluran penghadaman  
- jika anda mempunyai pembesaran kelenjar prostat yang salah satu dari berikut: sebarang kesesakan atau tersubat dalam saluran kencing, jangkitan saluran kencing yang telah lama wujud atau mempunyai batu karang.  
- jika tekanan darah anda rendah  
- jika anda sedang menyusukan anak  
- jika anda tidak dapat mengawal pembuangan air kencing (tidak terasa untuk kencing), atay anuria (badan anda tidak menghasilkan air kencing) dengan atau tanpa masalah buah pinggang.

## - Sebelum mula menggunakan Kamiren XL

Berikut adalah sebab-sebab mengapa Kamiren XL mungkin tidak sesuai untuk anda:

- jika anda mempunyai masalah hati  
- jika anda mempunyai penyakit jantung

Apabila anda mula mengambil Kamiren XL anda mungkin mengalami pitam atau pening yang disebabkan oleh tekanan darah yang rendah, apabila bangun dari duduk atau baring. Jika anda berasa pengsan atau pening, anda perlu duduk atau berbaring sehingga anda berasa lebih baik dan mengelakkan situasi di mana anda mungkin jatuh atau mencederakan diri sendiri. Doktor anda mungkin mengukur tekanan darah anda dengan kerap pada permulaan terapi untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya kesan ini.

Penggunaan Kamiren XL tidak digalakkan pada kanak-kanak atau remaja 18 tahun kebawah kerana keselamatan dan keberkesanan belum dapat dipastikan

Apabila memulakan rawatan, tekanan darah boleh menurun secara ketara.

Anda mungkin menjadi pening jadi memnadu kenderaan dan menggunakan jentera tidak digalakkan pada masa ini.

Maklumat penting tentang beberapa bahan Kamiren XL  
Kamiren XL mengandungi laktosa. Jika anda diberitahu oleh doktor anda bahawa anda tak toleransi kepada sesetengah gula, hubungi doktor anda sbelum menggunakan produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain  
Sesetengah pesakit yang mengambil terapi alpha-blocker untuk rawatan tekanan darah tinggi atau pembesaran prostat mungkin mengalami pening atau kepala ringan, yang mungkin disebabkan oleh tekanan darah yang rendah apabila duduk atau berdiri dengan cepat. Sesetengah pesakit telah mengalami simptom-simptom ini apabila mengambil ubat untuk disfungsi ereksi (mati pucuk) dengal alpha-blockers. Untuk mengurangkan kemungkinan simptom ini berlaku, anda perlu mengambil dos harian alpha-blocker yang tetap sebelum anda memulakan ubat-ubatan untuk disfungsi ereksi.

Kamiren XL boleh merendahkan tekanan darah anda lebih-lebih lagi jika anda telah mengambil ubat-ubatab lain untuk merawat tekanan darah tinggi.

## Cara menggunakan Kamiren XL

- Berapa banyak harus digunakan  
Dos biasa adalah 1 tablet sekali sehari. Doktor anda boleh meningkatkan dos jika beliau rasa dos ini rendah.

Dos maksimum adalah 2 tablet sehari.

## - Bila perlu digunakan

Anda boleh mengambil ubat sebelum, semasa atau selepas makan.

## - Berapa lama perlu digunakan

Terus mengambil tablet anda sehingga doktor anda beritahu untuk berhenti.

## - Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos tablet yang terlupa. Jika anda terlupa satu dos, ambil secepat mungkin. Jika sudah hampir masa dos yang berikutnya, abaikan dos

# KAMIREN XL MODIFIED RELEASE TABLETS

Doxazosin (4 mg)

yang tertinggal dan teruskan pengambilan dos seperti biasa.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)*

Jika anda mengambil dos berlebihan, berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda dengans segera. Dos yang terlalu tinggi menyebabkan tekanan darah rendah, pening dan berpusing, mungkin juga pengsan. Jika anda mengalami mana-mana gejala ini, berbaring dengan merendahkan kepala dan kaki ditinggikan sedikit.

**Semasa menggunakan Kamiren XL**

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Telan tablet sepenuhnya dengan sedikit air. Anda tidak boleh kunyah, patahkan atau hancurkan tablet.

Jika anda menjalani pembedahan mata keraa katarak (kekaburan pada kanta mata) sila beritahu pakar mata anda sebelum mempendahan dimana anda sedang atau pernah mengambil Kamiren XL.

Ini kerana Kamiren XL boleh menyebabkan komplikasi semasa pembedahan yang boleh diuruskan jika pakar anda bersedia lebih awal.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*  
*Menyusukan anak*

Meyusukan anak semasa rawatan dengan doxazosin tidak digalakkan.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*  
*Mengandung*

Keselamatan penggunaan doxazosin semasa mengandung tidak dapat dipastikan. Anda boleh mengambil Kamiren XL semasa kehamilan hanya jika ianya jelas diperlukan.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Kamiren XL boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya.

**Lazim**

- jangkitan saluran pernafasan (hidung, tekak, jantung), jangkitan saluran kencing  
- pening, mengantuk, sakit kepala  
- rasa berputar atau rasa persekitaran berputar (vertigo)

- peningkatan degupan jantung (tachycardia), rasa degupan jantung (berdebar-debar)  
- tekanan darah rendah atau tekanan darah menurun semasa berdiri yang menyebabkan pening kepala, pening-pening lalat atau pengsan (hipotensi postural)  
- bronkitis, batuk, kesukaran bernafas (dispnea), kesesakan hidung, bersin dan/atau hidung berair disebabkan keradangan membrane mucus hidung (rinitis)  
- sakit perut/pada abdomen, sneak, mulut kering, rasa sakit (loya)  
- gatal (pruritus)  
- sakit belakang, otot sakit  
- keradangan pundi kencing (sistitis), ketidakupayaan mengawal pembungan air kencing  
- rasa lemah yang umum, sakit dada, simptom seperti influenza  
- bengkak pada kaki, pergelangan kaki atau jari.

**Tidak lazim**

- Tidak balas alahan ubat  
- selera makan meningkat atau hilang selera, keradangan sendi (gout)  
- kebimbangan, kemurungan, tidak boleh tidur (insomnia)  
- strok, pengsan, mengeletar, deria sentuhan berkurang atau berubah atau sensai pada tangan dan kaki,  
- berdering atau bunyi dalam telinga  
- serangan jantung, sakit dada (angina pektoris)  
- hidung berdarah  
- sembelit, angin, radang perut dan usus (gastroenteritis) yang boleh menyebabkan cirit-birit dan muntah-muntah  
- ujian fungsi hati tidak normal  
- ruam kulit  
- sakit atau tidak selesa semasa kencing, kerap kencing, darah dalam air kencing  
- kesakitan pada sendi-sendi  
- kegagalan / ketidakupayaan untuk mencapai ereksi zakar (mati pucuk)  
- peningkatan berat badan  
- muka bengkak, sakit umum

**Sangat jarang**

- bilangan sel darah putih atau platlet darah rendah, yang boleh menyebabkan lebam atau mudah berdarah (leukopenia, trombositopenia)  
- keresahan, kebimbangan

- pengsan atau pening disebabkan oleh tekanan darah rendah apabila bangun dari duduk atau kedudukan berbaring, kesemutan atau kebas pada tangan dan kaki  
- penglihatan kabur  
- degupan jantung menurun atau tidak teratur  
- kemerahan pada muka (*flushing*)  
- nafas berdehit bertambah teruk  
- hepatitis (radang hati) atau gangguan hempedu, kekuningan pada kulit atau mata (jaundis)  
- gatal-gatal, rambut gugur,  
- tompok merah atau ungu pada kulit,endarahan di bawah kulit (Purpura)  
- kekejangan otot, kelemahan otot  
- gangguan semasa membuang air kencing, perlu membuang air kencing pada waktu malam, jumlah air kencing yang dikeluarkan meningkat  
- ketidakselesaian atau pembesaran payudara di kalangan lelaki (gynaecomastia), kesakitan pada zakar disebabkan ereksi berterusan (priapisma)  
- Keletihan, secara umumnya berasa tidak sihat

**Kekerapan yang tidak diketahui**

- sedikit atau tiada ejakulasi air mani semasa klimaks seksual, air kencing keruh selepas klimaks seksual.  
- masalah mata boleh berlaku semasa pembedahan mata untuk katarak mata (kekaburan kanta mata).

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor anda atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

# KAMIREN XL MODIFIED RELEASE TABLETS

Doxazosin (4 mg)

---

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### **Kamiren XL**

#### - Penyimpanan

Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

Jangan simpan melebihi suhu 30 °C.

Simpan dalam pek asal.

Jangan guna ubat anda selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pek selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

#### - Pelupusan

Tiada keperluan khusus

Rujuk ahli farmasi anda tentang cara untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini membantu untuk melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

#### - Rupa dan warna produk

Tablet modified-release: putih, bulat, sedikit cembung.

#### - Bahan-bahan kandungan

Setiap tablet modified-release mengandungi 4 mg doxazosin as doxazosin mesylate.

#### *Bahan tidak aktif*

Hypromellose, calcium hydrogen phosphate, lactose monohydrate, magnesium stearate, titanium dioxide (E171), macrogol 400.

#### - Nombor MAL:

MAL10100162AZ

## **Pengilang**

KRKA, d.d., Novo mesto,  
Šmarješka cesta 6,  
8501 Novo mesto, Slovenia

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 ½ Mile Off Jalan Meru,  
41050 Klang, Selangor, Malaysia

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

01/04/2019

## **Nombor siri**

NPRA(R2/1)200828/507